

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.6 (17)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 2 TAHUN 2019**

Tarikh : 27 Februari 2019 (Rabu)
Masa : 10.00 Pagi – 12.14 Tengahari
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Januari 2019 dan Februari 2019.

3. PERUTUSAN Pengerusi

3.1 YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang bersama-sama beliau dalam memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis bagi memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Mewakili pengurusan tertinggi Majlis Bandaraya Petaling Jaya, beliau akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain adalah elemen terpenting yang perlu dipraktikkan.

3.2 **PETALING JAYA BANDAR PEMBELAJARAN UNESCO 2019**

Petaling Jaya telah diiktiraf sebagai salah satu daripada 10 pemenang Anugerah Bandar Pembelajaran oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) Pendidikan Sains dan Kebudayaan bagi tahun 2019 bersama-sama sembilan bandar raya lain dari seluruh dunia.

Anugerah dan pengiktirafan ini adalah susulan pencapaian dan kemajuan bandar raya ini di dalam sektor pendidikan. Selain bandar raya Petaling Jaya, anugerah ini turut diberikan kepada Aswan (Mesir), Chengdu (China), Heraklion (Greece), Ibadan (Nigeria), Medellin (Columbia), Melitopol (Ukraine), Santiago (Mexico), Seodaemun (Korea Selatan) dan Sønderborg (Denmark).

Petaling Jaya berkeluasan 97.2 km persegi dengan penduduk seramai 732,700 dan menyediakan sebanyak 101 sekolah rendah dan menengah, 182 buah pra sekolah dan 45 buah kolej dan universiti. Di Petaling Jaya juga terdapat 6 buah perpustakaan komuniti yang dikendalikan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Menurut kenyataan yang disiarkan oleh badan antarabangsa itu pada 31 Januari lalu, UNESCO menyatakan bahawa anugerah tersebut akan disampaikan di majlis Persidangan Antarabangsa Bandar Pembelajaran di Medellin, Colombia pada Oktober 2019. Berdasarkan kenyataan itu juga, kejayaan Petaling Jaya berikutan pencapaian cemerlang dan prestasi ditempa bandar raya itu dalam sektor pendidikan.

Pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi menyemarakkan lagi usaha pembelajaran berterusan bagi penduduk Petaling Jaya. Selaras dengan usaha menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebuah bandar peneraju, MBPJ meneruskan usaha untuk memperkasakan sumber yang ada termasuk melibatkan kerjasama rakan strategik bagi memastikan penduduk Petaling Jaya mendapatkan akses pembelajaran meliputi pelbagai lapisan masyarakat.

MBPJ telah mengenalpasti 8 kategori utama sebagai fokus di dalam Program Pembelajaran ini iaitu Kebudayaan dan Kesenian (Arts &

Culture), Pelajaran (Education), Keusahawanan (Entrepreneuership), Kesihatan (Health & Wellness), Alam Sekitar (Environment), Kerohanian (Spirituality), Teknologi (Technology), Keselamatan (Safety) melibatkan kumpulan sasaran yang terdiri daripada kanak-kanak, dewasa, pelajar sekolah, pekerja, peniaga, wanita, golongan kurang berkemampuan dan golongan kelainan upaya.

Pelbagai inisiatif yang telah disediakan untuk dimanfaatkan oleh penduduk Petaling Jaya antaranya ialah Projek Karung Kitar, Program Pembelajaran kanak-kanak dengan Kidzania, Program Pembelajaran ICT bersama komuniti, Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) di sekolah, Jom Sihat, Garis Panduan Trak Makanan, Smart PJ Waste Solution Lab, Program Pendidikan Bukit Gasing, Pertandingan Bercerita, Pertukaran Pelajar Antarabangsa dengan bandar raya persahabatan, PJ Fair, I-play Park, bengkel usahawan wanita dan lain-lain lagi.

Majlis ada menyediakan PJ City Bus secara percuma dengan kemudahan untuk golongan orang kelainan upaya beserta perkhidmatan wifi. Beroperasi seawal 6.00 pagi hingga 9.00 malam merangkumi Petaling Jaya Utara dan Petaling Jaya Selatan. MBPJ juga telah menyediakan perkhidmatan Bas Sekolah percuma yang meliputi 25 buah sekolah dan memberi tumpuan kepada kawasan golongan kurang berkemampuan. Perkhidmatan ini melibatkan sebanyak 32 buah bas dengan 2 daripadanya adalah bas elektrik.

Dalam menjayakan matlamat Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai bandar pembelajaran sepanjang hayat yang diiktiraf UNESCO, Majlis telah menjalin persefahaman dan kerjasama strategik dengan dua universiti di Petaling Jaya iaitu Kolej Universiti Saito dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dengan memfokuskan pendidikan secara formal dan peluang biasiswa kepada penduduk Petaling Jaya khasnya dan rakyat Malaysia umumnya yang melanjutkan pelajaran di universiti ini.

Penglibatan MBPJ bermula pada 18 – 20 September 2017 di mana MBPJ telah mendapat jemputan dari UNESCO untuk menghadiri “International Conference on Learning Cities” di Cork City Hall, Ireland. Seminar tersebut memberi pelbagai pendedahan tentang pembangunan mampan sesebuah bandar dengan mengambil kira kepentingan penerapan pembelajaran dan pengetahuan kepada warganya bermula dari kanak-kanak sehingga kepada warga emas.

Susulan dari itu, Majlis telah menjadi ahli UNESCO Global Network of Learning Cities (GNLC) pada 7 Jun 2018. Keahlian ini bertujuan menjadi

sebahagian daripada rangkaian di dalam bandar raya pembelajaran yang lain serta dapat memupuk hubungan, perkongsian idea, membina kapasiti dan membangunkan instrumen untuk menggalakkan dan mengiktiraf kemajuan dalam membina bandar pembelajaran.

Justeru dengan pengiktirafan ini, MBPJ berharap seluruh warga Petaling Jaya akan mendapat manfaat di samping penyediaan perkhidmatan asas sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bagi kawasan pentadbiran Petaling Jaya.

3.3 SMART VALUATION MAP

Smart Valuation Map (SVM) merupakan satu inovasi terkini daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dalam menambahbaik proses-proses kerja penilaian bagi tujuan cukai taksiran yang mana ia merupakan skop kerja utama bagi Jabatan.

Menggabungkan data pegangan Cukai Taksiran sebagai asas sistem dan dilapisi dengan Pelan Guna Tanah Majlis, Lot Kadaster dari JUPEM dan Agensi yang berkaitan serta Teknologi "Aerial Photo 3D" dan yang terkini ditapak. Jabatan berpendapat sistem dan aplikasi ini akan dapat memudahkan proses kerja Jabatan secara khususnya dan membantu proses pentadbiran Majlis secara amnya.

Justeru itu, di antara kelebihan dan kebaikan yang diperolehi oleh Majlis melalui Smart Valuation Map adalah :

- i. Membantu Majlis untuk mengenalpasti lot-lot atau pegangan harta yang telah dan belum dinilai.
- ii. Membantu Majlis untuk mengenalpasti lot-lot atau pegangan harta yang telah dan belum di nilai.
- iii. Membantu Majlis untuk mengenalpasti pegangan harta yang melakukan tambahan keluasan (renovation & extension).
- iv. Membantu Majlis untuk mengesan pencerobohan tanah/rezab awam dalam kawasan Majlis.
- v. Membantu Majlis melihat potensi pembangunan sesuatu kawasan secara visual.
- vi. Memberikan Majlis analisa serta statistik berkenaan pasaran hartanah di kawasan Petaling Jaya Utara.

Proses penyediaan Smart Valuation Map melibatkan dua fasa yang mana bagi fasa pertama ianya melibatkan pegangan harta di kawasan Petaling Jaya Utara yang berkeluasan 54.9 kilometer persegi serta

sejumlah 125,000 data pegangan harta. Tempoh pelaksanaan projek bagi fasa pertama adalah setahun dan akan berakhir pada Julai 2019.

3.4 **PENGURUSAN TENAGA DAN MS1525 PADA BANGUNAN**

Majlis melalui Jabatan Kawalan Bangunan telah mengadakan satu seminar yang bertajuk Seminar Pengenalan Pengurusan Tenaga dan MS 1525 pada bangunan bersama Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia.

Seminar yang diadakan adalah bertujuan untuk mendedahkan dan menyebarkan ilmu kepada warga Majlis tentang kaedah penggunaan tenaga elektrik dan air dengan lebih efektif, efisien dan berhemah. Seminar ini juga merupakan sebahagian daripada beberapa siri seminar dan bengkel berkaitan pengurusan tenaga, mengaplikasikan Piawaian Malaysia atau Malaysian Standard 1525, yang akan diteruskan sepanjang tahun 2019.

Satu budaya penyelenggaraan bangunan yang berjadual dan bersistematik juga akan dijadikan budaya penyelenggaraan bangunan Majlis yang akan banyak membantu dalam penjimatan penggunaan tenaga pada bangunan. Selain daripada punca bekalan elektrik dari pembekal, penggunaan tenaga secara diperbaharui atau *renewable energy* iaitu melalui sistem fotovolta solar atau *solar photo voltaic*, akan diimplimentasikan di bangunan-bangunan Majlis.

Selain itu, ia juga akan dijadikan satu “*show case*” kepada kakitangan Majlis serta penduduk Petaling Jaya, bahawa tenaga solar boleh dijadikan pembekalan alternatif selain daripada bekalan elektrik dari bekalan awam.

3.5 **OPERASI WARAN SITAAN DAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melakukan Operasi Waran Sitaan Tunggakan Cukai Taksiran di Sri Damansara pada 16 hingga 19 Februari 2019 yang lalu. Operasi waran sitaan berkenaan melibatkan 500 kes (premis) yang gagal menyelesaikan cukai taksiran dalam tempoh yang ditetapkan Majlis. Jumlah keseluruhan tunggakan cukai dilokasi berkenaan adalah sebanyak RM1.11 juta.

Menerusi operasi tersebut, MBPJ telah membuat rampasan harta alih mengikut jumlah tunggakan. Pemilik premis yang dikenakan tindakan akan diberi tempoh sebanyak tujuh hari untuk membuat pembayaran penuh cukai tertunggak dan menuntut semula harta alih yang dirampas.

Kegagalan membuat bayaran tunggakan dalam tempoh tujuh hari akan mengakibatkan harta alih yang dirampas tidak boleh dituntut dan akan dikategorikan sebagai barangan lelongan awam.

Selama tiga hari operasi di Sri Damansara, MBPJ telah berjaya mengutip jumlah tunggakan sebanyak RM 66,837.25 yang dibayar secara atas talian semasa operasi dilakukan. Manakala kutipan bayaran terkumpul di kaunter bergerak di SD 12/1 adalah RM 65,775.93 sahaja. Pada masa yang sama juga, MBPJ telah menyita 10 unit barangan untuk 10 premis.

Sekiranya semasa operasi berjalan dan didapati rumah tiada penghuni, pihak penguatkuasa Majlis akan menampal notis sitaan dan pelekat makluman sitaan sahaja. Walaubagaimanapun, pihak penguatkuasa MBPJ akan datang semula secara mengejut pada hari Sabtu atau Ahad untuk tindakan sitaan sekiranya penghuni masih gagal menjelaskan tunggakan. Tindakan itu dilakukan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 148, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

MBPJ akan meneruskan operasi seperti ini di lokasi Damansara Damai dan Ara Damansara sehingga 2 April 2019. Jumlah tunggakan di Damansara Damai adalah RM 3.47 juta yang melibatkan 1,640 kes premis cukai tertunggak. Manakala di Ara Damansara jumlah tunggakannya sebanyak RM1.14 juta yang melibatkan 467 kes. Majlis ingin memperingatkan agar pemilik premis yang mempungai tunggakan cukai agar membuat bayaran segera bagi mengelakkan harta alih disita.

Majlis juga berharap agar pemilik premis kediaman mengemasikini rekod pemilikan harta masing-masing melalui Borang I sekiranya terdapat sebarang pindah milik harta yang belum ditukarkan nama ke pemilik baru. Kemaskini rekod pemilikan perlu dilakukan berdasarkan kepada peruntukan di bawah Seksyen 160 (1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang mana menerangkan bahawa apabila sesuatu pegangan berkadar di dalam kawasan pentadbiran MBPJ sama ada dijual atau dipindah milik, maka adalah menjadi tanggungjawab penjual dan pembeli harta tersebut untuk memberikan notis mengenai pindah milik itu di dalam Borang I yang disediakan Majlis dalam tempoh 3 bulan selepas proses pindah milik selesai.

3.6 OPERASI HALANGAN DAN PENJAJA TANPA LESEN

Pada 14 Februari 2019 yang lalu, Majlis telah melaksanakan operasi penguatkuasaan di kawasan PJU 10, Damansara Damai, Petaling Jaya. Operasi penguatkuasaan ini diadakan bagi mengambil tindakan ke atas

penjaja-penjaja tanpa lesen dan juga barang-barang perniagaan yang ditinggalkan di tempat awam oleh penjaja-penjaja terlibat.

Hasil daripada operasi tersebut, sebanyak 17 tindakan sitaan telah dilaksanakan. Operasi-operasi sebegini akan diteruskan bagi memastikan kesemua aktiviti perniagaan mematuhi syarat serta garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

3.7 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

3.7.1 KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 8 adalah sejumlah 1097 kes denggi telah dilaporkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 295 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 278 kes. 1 kes kematian dilaporkan di Gugusan Melur, Seksyen 4, PJU Kota Damansara.

Berikut adalah lokaliti wabak terkini yang dilaporkan. Bilangan Kawasan Hotspot Terkini Dilaporkan sehingga 24/2/2019:

1. Seksyen 14 Teres B : Jalan 14/29 - Jalan 14/49
2. Flat Impian Baiduri Sekyen 51A
3. Apartment Bayu PJU 10, Damansara Damai
4. Apartment Rampai Idaman PJU 10, Damansara Damai
5. Flat Pelangi Damansara PJU 6 (Blok A, B, C)
6. Flat Pelangi Damansara PJU 6 (Blok D, E, F)
7. SS 2 (1)
8. Apartment Kelana Idaman PJU 1A
9. Palm Spring Kondo 2 PJU 3 (Blok D, E, F)
10. Gugusan Dedap 1, Seksyen 11 PJU 5, Kota Damansara
11. Apartment Tania Seksyen 11 PJU 5, Kota Damansara
12. Seksyen 6 PJU 5, Kota Damansara
13. Gugusan Cempaka Seksyen 6 PJU 5, Kota Damansara
14. Flat Desa Ria PJS 5
15. Flat Desa Mentari 1 PJS 6 (Blok 1,2,3)
16. Flat Desa Mentari 1 PJS 6 (Blok 4,5,6)
17. Apartment Damai PJS 8
18. Mentari Court PJS 8
19. Kelana Putera Kondo SS 7
20. Flat Desa Mentari PJS 2B (Blok 9,10)
21. Apartment Medan Cahaya PJS 2C (Blok A-H)

22. Taman Medan PJS 2C (Teres A : Jalan PJS 2C/2, 7, 7A, 7B, 9, 12, 14)
 23. Taman Medan PJS 2C (Teres D : Jalan PJS 2C/11, 2C/28, 2C/2)

3.7.2 PROGRAM SEDAR

Sejak tahun 2014, sebanyak 238 pasukan SEDAR telah ditubuhkan sehingga kini. Sehingga bulan Februari 2019, sejumlah 5 pasukan SEDAR lagi telah berjaya ditubuhkan. Ia merangkumi 3 pasukan SEDAR Komuniti dan 2 pasukan SEDAR masjid telah ditubuhkan sehingga minggu Epid 7/2019.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 1 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020).

- 4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 1 Tahun 2019 bagi penggal 2018/2020 bertarikh 30 Januari 2019 disahkan tanpa pindaan.

5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 1 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 JANUARI 2019.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
3.	PENUTUPAN JAMBATAN BESI SEDIADA YANG MERENTASI SUNGAI PENCHALA DI PJS - Majlis akan menutup jambatan besi ini dengan kadar segera.	Jabatan Kejuruteraan telah menutup kedua-dua hujung jambatan besi sedia ada yang merentasi Sungai Penchala di PJS 5 pada 11 Februari 2019 dengan menggunakan 'Concrete Barrier'.
RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL

		<p>Notis Pemberitahuan berbentuk 'Banner' dan papantanda telah di pasang di tapak pada 2 Februari 2019 dan 7 Februari 2019 masing-masing untuk makluman penduduk dan juga pengguna jalan.</p>
6.5.2	<p>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 14 JANUARI 2019.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bagi isu pembersihan longkang depan rumah yang ditutup 	<p>Jabatan Kejuruteraan akan mengeluarkan notis meruntuh kepada pemilik yang terlibat dan di beri notis tempoh 14 hari untuk mengambil tindakan membongkar penutup longkang dan membaiki semula kerosakan longkang/ pembersihan dengan kos mereka sendiri.</p> <p>Sekiranya pemilik ingkar selepas notis 2 kali amaran dikeluarkan (Tempoh 7 hari/notis), pihak jabatan akan melaksanakan perobohan melalui kontraktor inden (kerja di bawah nilai RM 20,000.00) termasuk membaiki longkang.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
----------------------	----------------	------------------------------

		<p>Panjang kerja 'desilting' longkang adalah bergantung kepada panjang kerosakan longkang yang perlu dibaiki di mana ianya bergantung kepada nilai kerja iaitu di bawah RM 20,000.00.</p>
6.5.2 a (iii)	<p>Air kotor dan berbau di tasik apakah dasar yang kita gunakan dan bagaimana keadaan pengawalan air busuk sama ada berkesan atau tidak.</p>	<p>Tasik-tasik di kawasan Petaling Jaya merupakan kolam tadahan pada awal rekabentuk tersebut. Setiap aliran longkang yang berhampiran akan disalurkan ke kawasan kolam ini. Aliran air yang memasuki ke kolam ini adalah dari saluran kawasan perumahan dan juga kawasan komersial.</p> <p>Bagi kaedah rawatan air tasik yang terbaik pada masa ini adalah menggunakan bahan <i>effective microorganisms</i> (EM). Bahan ini membantu meningkatkan kualiti air tasik dengan campuran pelbagai jenis mikro orgnisma, antara fungsi EM yang penting adalah memecahkan bahan organik sedia ada dalam air bagi proses seterusnya, EM juga mampu membantu mengurangkan bau busuk serta seterusnya meninggikan ekosistem biodiversity air tasik.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
---------------	---------	-----------------------



		<p>Kaedah pengudaraan juga perlu, dengan pemasangan <i>aerator</i> dan fountain mampu memberi pengudaraan yang baik kepada air dan ini mampu membantu mempercepatkan proses rawatan menggunakan bahan biologi.</p> <p>Encik Derek John Fernandez mengemukakan pertanyaan mengapa air tasik masih keruh walaupun rawatan telah dibuat. Beliau berharap agar satu kajian ke atas rawatan ini dapat dibuat memandangkan sebelum majlis menukar sistem sedia ada, sistem yang lama lebih berkesan.</p> <p>Selain daripada itu, beliau membangkitkan Jawatankuasa Rawatan Air Tasik yang pernah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Puan Chynthia Gabriel. Akan tetapi jawatankuasa tersebut tidak aktif.</p> <p>Puan Rahibah binti Che Omar turut berharap agar majlis memandang serius perkara ini dan merangka prosedur bagi acara selepas penggunaan tasik kerana selepas Program PJ Car Free Day, air tasik menjadi berbau dan kotor sehingga merosakkan hidupan mikro dan pokok di tepi tasik. Beliau turut berharap agar peruntukan pembersihan tasik selepas program dimasukkan dan menyambut baik jawatankuasa rawatan air tasik diaktifkan semula.</p>
RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL

6.6.1	<p>CADANGAN MINSIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS</p> <p>- Peruntukan MARRIS.</p>	<p>Jabatan Kejuruteraan telah mengeluarkan emel kepada ADUN untuk pengesahan senarai projek MARRIS 2019 pada 1/2/2019. Tempoh yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Kejuruteraan adalah sehingga 14/2/2019. Dokumen projek akan diproses untuk pengiklanan setelah pengesahan dibuat oleh ADUN.</p> <p>Pemilihan projek bagi penurapan jalan adalah berdasarkan kepada aduan dan permohonan yang diterima, pemantauan dan rondaan.</p> <p>Encik Wong Swee Sang berharap agar semasa kerja-kerja turapan dibuat, bukan setakat jalan hadapan akan tetapi perlu melibatkan jalan belakang.</p>
-------	---	---

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1	<p>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN ERMEEMARIANNA BINTI SAADON</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sambutan International Women Day” peringkat MBPJ dengan bertemakan “Balance for Better”. 	<p>Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat MBPJ acara yang telah dirancang untuk dianjurkan ialah dengan penganjuran bersama Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan Iron Girl Malaysia Sdn. Bhd. dalam acara Larian Malaysia Women Marathon (MWM) 2019 di Dataran Petaling Jaya, pada 3 Mac 2019. Acara ini akan turut dihadiri oleh Y.A.B Dato Menteri Besar Selangor.</p> <p>Pihak Majlis turut akan menganjurkan acara larian iaitu Purple Run pada hari tanpa kenderaan peringkat Majlis bertarikh 10 Mac 2019 bertempat di Taman Tasik Kelana Jaya.</p> <p>Penganjuran seminar Hari wanita untuk kakitangan wanita, ahli puspanita dan Ajk Hewa bertempat di Dewan Banquet, Dewan Sivik pada 21 Mac 2019 antara pengisiannya ialah senaman sengkak wajah, ceramah kekeluargaan, kecantikan dan kesihatan, pameran dan jualan.</p>

6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 11 FEBRUARI 2019 DAN 19 FEBRUARI 2019.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/5 JLD. 6 (75))

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/5 JLD. 6 (77))

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 15 FEBRUARI 2019.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (83))

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Sumber Manusia, MBPJ.

6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 12 FEBRUARI 2019.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (14))

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 7.1.2 di muka surat 15 iaitu:-

7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH AHLI MAJLIS ZON 20.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.

6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 13 FEBRUARI 2019.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (44))

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan dan tambahan minit seperti berikut:-

Tambahan minit bagi perkara 6.4.3 di muka surat 11

Cadangan pelantikan tiga (3) orang ahli Majlis sebagai panel permohonan geran komuniti.

Perkara 6.4.7 c di muka surat 12

c. Tarikh tutup permohonan geran komuniti ini adalah pada 1 September 2019 memandangkan geran peruntukan perlu diuruskan sehingga Disember 2019.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 13 FEBRUARI 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (31))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 14 FEBRUARI 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (41))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, (Sumber Manusia), MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 14 FEBRUARI 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (10))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan minit seperti berikut:-

perkara 7.7 iii) Perenggan akhir di muka surat 28

Tuan Pengerusi menyatakan mulai hari ini ditetapkan satu dasar meminta mana-mana jabatan yang terlibat dengan aset Majlis

untuk membuat laporan kepada pihak Polis dengan segera dan menuntut kepada pihak yang bertanggungjawab sekiranya ada berlaku kemalangan yang menyebabkan kerosakan pada aset Majlis.

6.7.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara 7.1.1 i) dan ii) yang dibangkitkan oleh Encik Derek John Fernandez seperti berikut:-

- a) Beliau memohon status lif di Kompleks A dan C memandangkan pada masa sekarang kita kekurangan tempat meletak kenderaan.
- b) Bagi isu lif di Menara MBPJ, beliau sendiri telah terperangkap di dalam lif tersebut. Persoalan yang sering dibangkitkan, kenapa aras lif tidak sama. Beliau berharap agar siasatan dibuat memandangkan jenama lif ini tidak pernah digunakan di Malaysia.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 18 FEBRUARI 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (10))

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 6.10.7 di muka surat 116 seperti berikut:-

Encik Terence Tan Teck Seng tidak bersetuju sekiranya kabin tersebut digunakan untuk tujuan politik. Walaubagaimanapun, sekiranya kabin tersebut digunakan untuk tujuan kegunaan komuniti adalah dibenarkan dan digalakkan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 18 FEBRUARI 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (50))

16/26

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK LEONG CHEE CHENG

Beliau mengucapkan terima kasih kerana beri keizinan untuk memberi ucapan penangguhan pada kali ini.

7.1.1 Isu Kesalahan Berulang oleh Peniaga

Beliau membangkitkan isu kesalahan berulang oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab di Petaling Jaya dan memerlukan tindakan tegas, keras, dan berterusan terhadap mereka. Petaling Jaya adalah bandar yang pintar, dengan slogan 'PJ Smart City'. Baru-baru ini bandar raya kita telah dianugerahkan sebagai salah satu Learning Cities Award 2019 oleh Unesco Institute for Lifelong Learning (UIL).

IQ Malaysia berada di kedudukan ke-15 dalam senarai dunia. Ia menunjukkan bahawa penduduk di PJ adalah pintar dan bersedia untuk mendapat ilmu. Malangnya, di dalam masyarakat kita masih terdapat pihak-pihak yang kurang pintar atau mungkin terlalu pintar, peniaga yang keras kepala terhadap undang-undang dan tidak peduli kesejahteraan masyarakat, demi keuntungan peribadi "personal gain".

Berikut adalah contoh pelanggaran undang-undang oleh peniaga iaitu:-

a) Trak Kumbahan di SS 4C/22

Perkara ini merupakan isu berterusan selama bertahun-tahun, semenjak zaman ahli majlis Puan Cynthia Gabriel sehingga sekarang. Peniaga ini terus melanggar undang-undang dengan meletakkan trak-trak kumbahan (sewage truck) di kawasan perumahan, membuang sisa kumbahan di taman awam, longkang berhampiran sekolah seperti SMK Kelana Jaya, malah mereka berani menyewa rumah di taman untuk

meletakkan lori mereka bagi mengelakkan tindakan dari majlis dan agensi penguatkuasaan.

Trak- trak najis yang diletakkan di sebelah rumah jiran tidak mempunyai cukai jalan dan berniaga tanpa kebenaran IWK serta pejabat beroperasi di kawasan perumahan. Ini menimbulkan rasa kurang selesa jiran-jiran di kawasan tersebut. Walaupun terdapat banyak bukti sama ada bergambar atau video, namun mereka masih bebas melakukan kesalahan.

b) Kedai Tayar di SS 25/23 bersebelahan LDP

Kedai ini mempunyai lebih 100 saman, namun masih melanggar undang-undang dan membuat kerja-kerja `service` lori di jalan utama yang menyekat lalulintas dari LDP yang merupakan kawasan sesak ke Dataran prima.

c) Restoran di Sunwaymas

Isu restoran di Sunwaymas yang meletakkan meja dan kerusi di tepi jalan pada setiap pagi. Walaupun tindakan penguatkuasaan telah berulang kali diambil ke atas mereka seperti tindakan merampas meja dan kerusi, namun mereka tetap bebas menjalankan perniagaan seperti biasa. Mereka memberi alasan bahawa cara berniaga ini telah dilakukan selama 20 tahun yang lalu. Mereka bukan tidak tahu undang-undang akan tetapi sebagaimana yang beliau maklum bahawa majlis ada masalah mengambil tindakan mahkamah kerana kenderaan yang ditangkap masih didaftarkan dengan nama IWK. Mereka tahu `loophole` yang sedia ada. Tapi mereka juga tahu bahawa keuntungan mereka boleh menyelesaikan sebarang kompaun yang diterima, dan dengan itu mereka terus melanggar undang-undang dengan mengorbankan kepentingan komuniti.

Kawasan pentadbiran MBPJ berkeluasan 97.2 kilometer persegi, kian pesat membangun dan mempunyai jumlah penduduk lebih daripada 6 ratus ribu orang. Petaling Jaya kini dikenali sebagai pusat pertumbuhan yang terunggul di Negeri Selangor. Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan pasukan penguatkuasaan pun banyak membantu beliau di dalam melaksanakan penguatkuasaan. Beliau mengucapkan terima kasih kepada

jabatan penguatkuasa kerana setiap kali beliau memaklumkan kesalahan akan ada tindakan yang dilaksanakan. Namun, peniaga ini masih berdegil. Walaupun sering ditegur, diberi amaran dan notis serta kompaun pun telah dikeluarkan berulang kali. Akan tetapi perkara ini masih tetap berulang.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar kita tidak memberi peluang dan belas kasihan kepada yang degil dan keras kepala. Tindakan tegas, keras dan berterusan perlu diambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab supaya tidak memberi ruang kepada mereka untuk bernafas, sehingga mereka mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Beliau mencadangkan pembentukan sebuah jawatankuasa kecil yang bertujuan untuk mengatasi kes-kes pelanggaran undang undang secara berulang. Agensi berkaitan seperti SPAD, PTD, JPS, JAS hendaklah dilibatkan dan dijemut ke mesyuarat tersebut.

Sebelum mengakhiri ucapan, beliau menegaskan bahawa PJ dikenali sebagai salah satu bandar yang paling pesat berkembang dan menjadi tempat rujukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain. Sebagai bandar raya yang berkembang cepat, terdapat masalah baru yang timbul di samping masalah lama yang belum selesai. Sekiranya masalah lama tidak diselesaikan maka ia akan terus menjadi rintangan untuk membawa PJ ke peringkat seterusnya. Sebagaimana yang beliau tegaskan di atas, kita perlu melakukan tindakan tegas, cepat dan berterusan sehingga mereka mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh Akta Kerajaan Tempatan.

7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

Bagi pihak Ahli Majlis, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada YBhg. Datuk Bandar yang akan berpindah ke PKNS di atas kecemerlangan di dalam menjalankan tugas dan pencapaian terbaik sepanjang berkhidmat di MBPJ.

Tidak dinafikan prestasi MBPJ telah meningkat sepanjang 3 tahun kebelakangan ini dan semua PBT di Malaysia menghormati imej terbaik MBPJ. Selain daripada kerjasama daripada warga kerja MBPJ, ADUN dan Ahli parlimen serta Ahli majlis saling bekerjasama di dalam

meningkatkan perkhidmatan majlis. Walaupun di dalam mesyuarat ada kalanya bersetuju atau terdapat bantahan namun ia hanya satu proses demokrasi yang akhirnya akan dapat membuat keputusan terbaik. Prestasi yang baik juga adalah disebabkan peruntukan yang mencukupi untuk meningkatkan perkhidmatan kepada masyarakat.

Selain daripada itu Majlis juga menerima banyak anugerah diperingkat persekutuan dan juga antarabangsa. Walaubagaimanapun masih terdapat masalah yang perlu diatasi.

7.2.1 Isu Banjir

Beliau berharap agar Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan dapat membuat kajian berkaitan projek Sunway Serene di Kelana Jaya yang melibatkan kualiti kehidupan rakyat. Sebelum projek dijalankan, penduduk pernah membangkitkan bahawa sekiranya projek melibatkan kawasan tasik, longkang atau sungai akan berlaku banjir kilat. Perkara ini berlaku dan banyak aduan yang diterima daripada penduduk berkaitan masalah banjir kilat yang sering melanda di kawasan tersebut. Selain daripada itu terdapat juga aduan kerja lewat. Walaupun tindakan saman telah dikeluarkan, pemaju lebih selesa membayar denda. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar pihak majlis mengambil tindakan tegas dan pemantauan ke atas kerja lewat oleh pemaju demi mengurangkan aduan penduduk memandangkan projek tersebut berdekatan kawasan perumahan.

7.2.2 Denggi di Seksyen 5

Beliau bersetuju dengan ucapan YBhg. Datuk Bandar berkaitan peningkatan denggi yang disebabkan oleh air bertakung di padang-padang permainan, lintasan letrik dan lain-lain. Bukan setakat menubuhkan pasukan SEDAR, majlis juga perlu menangani isu denggi yang semakin meningkat.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.14 tengahari. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis, dan semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat pada hari ini. Beliau mengucapkan terima kasih kepada ADUN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis, Ketua-ketua jabatan dan warga kerja MBPJ di atas kerjasama yang diberikan semasa beliau menjalankan tugas sebagai Datuk Bandar MBPJ. Ini merupakan mesyuarat majlis terakhir yang dihadiri oleh beliau sebelum beliau melapor diri ke PKNS pada 15 Mac 2019.


SULIT

Dalam proses mewujudkan demokrasi, terdapat perbalahan semasa mesyuarat dijalankan. Perkara ini adalah untuk mencari titik penyelesaian ke atas isu yang dibangkitkan.

Di Petaling Jaya, ADUN, Ahli Parlimen dan Ahli Majlis bekerja kuat untuk sama-sama berjaya sehingga wujud inisiatif yang lebih kedepan dengan pembinaan bangunan PJ Smart Center. Bangunan ini adalah yang pertama di Malaysia dan telah 95% siap. Beliau berharap agar inisiatif ini dapat diterapkan di seluruh Selangor dan seterusnya di Malaysia.

Idea pembinaan Bangunan Smart Center adalah hasil lawatan ke Bandung pada tahun 2016 dan taklimat telah diberi oleh walikota Bandung iaitu Pak Redwan Kamil. Sementara itu, di dalam lawatan beliau ke Jawa Barat baru-baru ini, beliau telah diberi taklimat oleh Pak Redwan Kamil yang telah dilantik sebagai Gabenor Jawa Barat. Di dalam taklimat tersebut, Pak Ridwan Kamil bercadang untuk membangunkan 'Smart City' di 27 PBT dengan jumlah penduduk lebih kurang 40 juta orang.

Akhirnya beliau mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan berharap agar segala percanggahan pendapat tidak disimpan di dalam hati. Beliau masih memerlukan kerjasama daripada MBPJ untuk membantu pembangunan di PKNS.


(JOHARY BIN ANUAR) AMS
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 31 Januari 2019

21/26

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

01. YBhg. Dato' Mohd Azizi bin Mohd Zain, - Pengerusi
D.S.I.S., A.M.N., A.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ.
02. Tuan Johary bin Anuar, A.M.S.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ
07. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Sugumararan a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.

SULIT

13. Encik Anwar bin Nekhan,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Puan Nurainie Haziqah binti Shafi'i,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M. Puan Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Loyis anak Uding
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Quratulain Atiqah bt Norzahirul Anuar,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Encik Zamri bin Mohamad
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Encik Mohamad Shakirien bin Dato' Abd. Razak, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Puan Pua Ghin Chu, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.



HADIR BERSAMA:

01. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
02. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
03. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ahmad Roslan bin Hairudin, A.I.S.,
Wakil Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M.,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Hj. Hassan A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.

SULIT

13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Zatul 'Iffah Binti Azizan,
Wakil Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,
Pengarah, Unit Audit Dalam Dan Integriti, MBPJ.
17. Puan Kamarul Afizah Binti Muhammad Ariff,
Wakil Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Tee Szu Fong,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
19. Puan Sr. Hajah Saliza binti Mohd Masri, M.R.I.S.M.,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak).
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

TURUT HADIR:

01. YB Tuan Halimey bin Abu Bakar,
ADUN Seri Setia.
02. YB Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri,
ADUN Taman Medan.
03. YB Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,

25/26

**SULIT**

SULIT

Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

03. Cik Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

26/26



SULIT